

SABAH, SARAWAK BAH

AIR SUNGAI MELIMPAH

■ Bilangan mangsa banjir meningkat kepada 10,512

JALAN Batu Danau daerah Limbang terputus hubungan dengan Brunei akibat banjir.

Oleh Alias Abd Rani dan
Erdiehazzuan Ab Wahid
am@hmetro.com.my
Kuching

Bilangan mangsa banjir di Sarawak terus meningkat manakala di Sabah gelombang kedua dikhuatiri bermula semalam apabila beberapa daerah di Beaufort mula dinaiki air dan ada penduduk dipindahkan.

Di Sarawak, setakat jam 9 malam tadi seramai 10,512 mangsa daripada 2,411 keluarga dipindahkan ke 54 pusat pemindahan di seluruh negeri ini.

Bahagian Kuching mencatat jumlah tertinggi apabila merekodkan 7,337 mangsa daripada 1,612 keluarga yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS).

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sarawak berkata, selain Kuching, bahagian lain yang turut terjejas ialah Samarahan membabitkan 2,079

mangsa daripada 512 keluarga.

"Selain itu, Limbang turut terjejas dengan 1,018 mangsa daripada 266 keluarga selain Mukah, 78 (21 keluarga) dipindahkan ke pusat pemindahan.

"Walaupun cuaca di beberapa kawasan cerah, namun fenomena air pasang disusuli hujan lebat di hulu menyebabkan aliran air mula memasuki kawasan hilir.

"Keadaan ini menyebabkan paras sungai meningkat sebelum melimpah ke kawasan didiami penduduk," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Sementara itu, laman web Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menunjukkan Sungai Nanga Lemai B di Balingian menghampiri paras bahaya.

Dalam pada itu, 32 sekolah ditutup antaranya lapan di Daro, Limbang (7), Baram (5), Padawan (3), Lundu (2), Bau (2), manakala Kuching, Samarahan, Mukah, Lawas dan Subis, ma-


sing-masing satu sekolah.

Sementara itu di Beaufort, Sabah, hujan lebat berterusan di sekitar daerah itu termasuk di daerah kecil Membakut sejak kelmarin, menyebabkan 293 mangsa daripada 97 keluarga dipindahkan ke PPS.

Pada masa sama kira-kira 5,000 penduduk lain diarahkan mengambil langkah berjaga-jaga berikutan beberapa kawasan dilaporkan mula dinaiki air.

Pegawai Daerah Beaufort Mohd Shaid Othman berkata, sebanyak dua pusat pemindahan sementara sudah dibuka masing-masing satu di daerah ini dan Membakut.

"Seramai 24 mangsa membabitkan lapan keluarga dari Kampung Luagan, dipindahkan ke Dewan Datuk Seri Panglima Mohd Dun manakala di Membakut, seramai 269 mangsa membabitkan 89 keluarga ditempatkan di Dewan Serbaguna Membakut," katanya ketika dihubungi, semalam.



PARAS air naik di Kampung Tanjong, Kampung Ukong, Kampung Blimbing, Kampung Indu Sangkar dan Lubok Bidai, Serian.